

Malaysia

-- contoh

kejayaan

dunia Islam

BH - 9 JUN 2002

Daripada **HISHAMUDDIN AUN**

ISLAMABAD: Sambil menghamburkan pujian bahawa kemajuan Malaysia wajar ditonjolkan oleh negara Islam lain, Presiden Pakistan, Jen Pervez Musharraf, berharap ruang kerjasama kedua-dua negara dapat diperluaskan bukan saja bagi manfaat hubungan dua hala, malah kepentingan umum.

Malaysia, katanya, menyerlahkan kejayaan adunan nilai tradisional dan moden menerusi kepemimpinan sederhana tetapi dinamik untuk diteladani.

"Bagi saya, Malaysia adalah sebuah cerita kejayaan daripada dunia Islam dan apa yang saya maksudkan tidak hanya terbatas kepada keupayaannya keluar daripada belenggu kegawatan ekonomi beberapa tahun lalu.

"Saya benar-benar percaya banyak yang kita boleh lakukan bersama hingga boleh mendahului negara lain demi kepentingan umum," katanya.

Musharraf berkata, skop hubungan perdagangan dengan Malaysia amat luas yang memerlukan sektor awam dan swasta kedua-dua negara menghalusinya dan mengenali pasti ruang kerjasama, terutama dalam sektor pertahanan.

Presiden Pakistan itu turut mengakui terdapat banyak persamaan di antara kedua-dua negara, termasuk dalam mentafsir keagamaan, membendung ancaman militan serta penekanan terhadap perlunya ilmu selain Islam dikuasai untuk meneroka kemajuan.

Antara langkah yang dilaksanakan ialah membanteras bercambahnya sekolah agama atau madrasah yang tidak diiktiraf di Pakistan yang menjadi tarikan kepada militan dari kebanyakan negara Islam, termasuk Malaysia. "Kami kini menetapkan syarat tertentu.

"Madrasah seperti ini perlu didaftarkan dan kami mahu mereka mengajar empat mata pelajaran - Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan pelajaran mengenai Pakistan - supaya kami dapat membawa mereka semakin hampir dengan aliran biasa pendidikan dan bukan hanya pengajaran subjek keagamaan.

"Kami amat tegas dalam soal ini dan

sedang mengambil tindakan membantersnya," katanya dalam temu bual eksklusif dengan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, di kediaman rasminya, Army House, di Rawalpindi dekat sini, Khamis lalu.

Musharraf berkata, tiada sebab untuk madrasah seperti itu menyekat pelajarinya daripada hanya menjadi mullah yang hanya boleh menjadi pegawai masjid sehingga menyebabkan percambahan masjid hampir setiap 200 meter.

Seperti orang lain, katanya, mereka juga memerlukan pekerjaan dan sewajarnya dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan agar boleh memasuki mana-mana universiti untuk bersaing kemudian.

"Saya pernah temampak seorang budak di madrasah yang kelihatan baik untuk menyertai tentera. Jadi, saya bertanya kenapa mereka hanya mengajar dia subjek keagamaan. Mereka boleh mengajar subjek biasa bagi membolehkan kanak-kanak ini menyertai tentera atau sebarang profesion lain," katanya.

Mengenai keagamaan, Musharraf bersependapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa satu takrif yang lebih jelas hendaklah dibuat dan tidak harus menzalimi pejuang pembebasan seperti di Kashmir.

Katanya, adalah sesuatu yang amat malang satu individu yang membunuh individu lain amat mudah dilabel sebagai penganas sedangkan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan sebuah negara tidak pula menerima kutukan.

"Kita melihat beribu-ribu yang menjadi korban di Kashmir. Apa yang berlaku di sini ialah keagamaan oleh negara. Kami amat jelas bahawa apa yang dilihat di Kashmir adalah pejuang pembebasan, bukan keagamaan.

"Pakistan juga mengutuk kejadian serangan di Parlimen India yang menyebabkan korban dan kejadian anggota tentera dan orang awam terbunuh dalam serangan bom terhadap sebuah bas. Kami tidak mempunyai kaitan dengan kegiatan keagamaan ini dan kami juga mengutuk keras mereka yang bertanggungjawab," katanya.